

13 MAY 2000

Mahathir-Kekuatan

LAKUKAN SENDIRI TUGAS UMNO UNTUK UMNO DEMI KEKUATAN PARTI

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menggariskan bagaimana Umno boleh mengembalikan semula kekuatannya, mahu anggota dan pemimpin parti membayangkan berada dalam keadaan tidak boleh lagi bergantung kepada kerajaan, sebaliknya terpaksa menjalankan sendiri segala tugas Umno untuk Umno.

Presiden Umno itu berkata mereka perlu membayangkan berada dalam satu "hostile environment" yang jauh berbeza daripada senario sekarang dan tidak boleh lagi mengharapkan kerajaan menunaikan permintaan mereka, selain tertekan daripada luar.

"Dalam senario ini bagaimana kita nak menjayakan parti kita? Tertekan daripada luar, bagaimana kita nak jayakan parti kita?" tanya beliau semasa menggulung perbahasan di akhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Beliau mahu anggota parti memikirkan soalan mengenai kelangsungan hidup Umno dalam senario andai parti tidak lagi boleh bergantung kepada pegawai kerajaan, tidak boleh mengharapkan sokongan belia dan media massa pula sudah menentang Umno.

"Bukan saya maksud begitu... tapi kita anggapkan kita tidak boleh lagi bergantung kepada mereka," tegasnya, yang mahu pemikiran Umno ditumpukan bagi menghadapi keadaan itu andai kata mereka berada dalam keadaan yang dianggap "hostile" itu, apa yang boleh mereka lakukan untuk parti.

Dr Mahathir berkata mudah untuk menyuruh orang lain membuat sesuatu untuk diri kita tetapi bagaimana jika tiba masa dan keadaanya orang itu tidak akan melakukannya lagi untuk kita.

Perdana Menteri berkata keupayaan Umno berdikari dan merapatkan barisan serta melakukan sendiri segala-galanya yang perlu dan penting untuk parti dan bangsa di awal penubuhannya pada 1946, tanpa menikmati sebarang keistimewaan, telah membawa kejayaan survival Umno.

"Kita lihat bagaimana orang Melayu pada 1945 dan 1946 yang lebih lemah daripada kita (orang Melayu sekarang)... tak banyak berpelajaran, tak ada golongan profesional, tak ada korporat kaya raya, tak ada yang mempunyai kedudukan berjawatan istimewa tertentu.

"Umno yang mula ditubuh itu terdiri daripada bangsa yang amat lemah, tetapi hanya kerana mereka rapatkan barisan mereka dan menyatu padukan diri mereka, mereka berupaya mengalahkan British," katanya, disambut tepukan gemuruh ribuan perwakilan dan pemerhati yang memenuhi Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Duni Putra.

Katanya dalam menyahut seruan supaya Umno merapatkan barisan, anggota parti jangan menumpukan perkara titik bengik kerana mereka sekarang berada dalam keadaan yang tidak semestinya lagi berpihak kepada parti dan sebaliknya perlu berjuang sendiri.

Secara mudahnya, Dr Mahathir menyimpulkan bagaimana Umno akan bertindak dan bergerak dalam keadaan ia seolah-olah sudah menjadi parti lawan yang tidak menguasai kerajaan dan tidak boleh mengharapkan bantuan kerajaan.

Beliau memberikan beberapa contoh betapa Umno terlalu bergantung kepada kerajaan sehingga parti lalai dan mengabaikan tentang tugas yang sepatutnya ia sendiri yang pikul dan sempurnakan.

Antaranya ialah bagaimana Umno sering melaungkan supaya kerajaan melantik jawatankuasa kariah masjid untuk mengelak masjid daripada dipergunakan oleh PAS sedangkan orang Umno tidak pun hadir pada mesyuarat pemilihan jawatankuasa itu dan jika dilantik pun tidak menjalankan kegiatan menghidupkan masjid.

"Kenapa PAS guna masjid? Kerana kita tak guna masjid... Umno hanya

dakwa cara PAS guna masjid tak baik, tapi kita tak buat apa-apa," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin.

Dr Mahathir juga beberapa kali mengulangi rayuan supaya Umno merapatkan barisan dan jika ada perkara yang tidak memuaskan hati, hendaklah dibawa berunding bagi mencari penyelesaian.

Katanya ucapan kali ini dianggap menarik kerana beliau membaca baca doa di hujung ucapan itu tetapi ia tidak sekali-kali dengan tujuan hendak menunjuk betapa Islamnya beliau.

"Sebenarnya saya rasa terdesak. Saya dah pujuk, dah ugut, dah menangis di sini, tak jadi apa juga... macam-macam dah saya buat untuk menyatupadukan Umno, untuk mengingatkan Umno kita berjuang untuk bangsa, agama dan tanah air tetapi hasilnya tidak seperti saya jangka.

"Saya berdo'a supaya dibuka hati, mata dan telinga kita dan faham bahaya yang kita hadapi sekarang ini kerana kalau saya kata kita mungkin dijajah semula bukan untuk menakutkan sesiapa tetapi kerana itu benar... kita boleh dijajah semula," kata Perdana Menteri.

Kerajaan yang dipimpin oleh Umno ini, katanya, sudah cuba dijatuhkan oleh Al Gore yang ketika berucap di Dewan Merdeka itu satu masa dahulu menggalakkan tunjuk perasaan dan memanggil penunjuk perasaan sebagai jaguh.

"Al Gore dalam negara kita sendiri berani bercakap macam itu seolah-olah dia sudah jadi penjajah yang boleh menentukan nasib kita," katanya, yang menambah bahawa tindakan asing menjatuhkan nilai matawang Malaysia bukan suatu tindakan perniagaan tetapi tindakan politik supaya Malaysia meminta-minta kepada mereka dan menyerahkan ekonomi negara kepada mereka.

-- BERNAMA

MNY LAT